

Semak ringgit bukan ketentuan pasaran

KUALA LUMPUR ^{11 MAY 2005} - Keputusan untuk mengkaji semula tambatan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS) perlu ditentukan oleh kerajaan dan bukannya kuasa pasaran semata-mata.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sekiranya keputusan itu berpandukan kepada pasaran, ringgit masih boleh dimanipulasikan oleh pedagang mata wang.

"Kita (kerajaan) seharusnya menentukannya sendiri. Kerajaan boleh menurunkan nilai (devalue) dan mengkaji semula nilai (revalue) ringgit. Saya berpendapat ia perlu dinilai semula," katanya sambil mengingatkan kenya-

taannya itu merupakan pandangan peribadi dan bukannya nasihat kepada kerajaan.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab pertanyaan pada sesi dialog Persidangan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) 2005 di sini, hari ini.

Tambatan ringgit kepada dolar AS merupakan langkah kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir pada bulan September 1998 bagi menangani serangan spekulator mata wang antarabangsa yang telah menyebabkan nilai ringgit jatuh sehingga paras terendah RM4.88 kepada setiap dolar AS, berbanding kira-kira RM2.52 pada tahun 1996.

Ringgit ditambah kadar RM3.80 ke-

pada AS\$1.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat kesan positif dan negatif, terutamanya berkaitan keseimbangan nilai import dan eksport, apabila nilai ringgit disemak semula dan perkara ini perlu dikaji oleh kerajaan.

Beliau menjelaskan, ketika kerajaan memutuskan untuk memperkenalkan tambatan ringgit ia bukannya dirancang untuk kekal selama-lamanya.

Katanya, kerajaan memantau kenaikan dan penurunan ringgit sepanjang masa dan sekiranya ringgit jatuh atau naik sebanyak 20 peratus daripada mata wang negara jiran maka negara perlu mengkaji untuk menilai semula mata wangnya.